

? SAYA ada anak lelaki berusia 5 tahun, anak tunggal dan saya meninggalkannya di Taska apabila kami keluar bekerja. Kami tiada masalah dengannya kecuali ada masanya beliau terlalu mendesak seperti minta dibelikan makanan atau permainan yang diinginkannya. Jika tidak dilayan, anak akan mengamuk. Ada ketikanya, jika kami keluar makan, dia suka mengganggu kanak-kanak lain yang sedikit sebanyak

menyebabkan kami malu. Bagaimanapun, dalam soal pengendalian gadget seperti playstation dan permainan komputer, dia memang hebat dan saya dan suami pulis yang diajarnya. Ada rakan mendakwa anak saya hiperaktif. Apakah ini benar, doktor? Apakah tanda anak hiperaktif? Adakah saya perlu membawanya bertemu pakar?

Ibu Risau, PJ

Ragam anak tunggal

Apa puncanya si kecil terlalu aktif, suka mendesak?



Bersama Dr Mastura Badzis

SEBELUM mengupas persoalan dikemukakan, ingin saya nyatakan banyak kajian ilmiah dilakukan pakar psikologi perkembangan untuk mengenal pasti perwatakan dan personaliti kategori anak tunggal ini. Anak tunggal juga sering dikaitkan sebagai salah satu faktor persekitaran yang mempengaruhi perkembangan personaliti. Dalam dunia psikologi kanak-kanak, isu ini disebut sebagai *the dilemma of the only child* kerana anak tunggal sering dilihat mempunyai personaliti unik dan berlainan dengan orang lain. Anak tunggal juga sering dikaitkan dengan pernyataan negatif seperti anak terlampau manja, *the spoilt brats*, bersikap bossy dan sebagainya.

Namun kenyataan seperti ini tidak mempunyai asas begitu kukuh kerana perwatakan mereka lebih bergantung kepada cara bagaimana mereka dididik ibu bapa. Kajian di China (negara yang mengamalkan dasar seorang anak untuk satu keluarga), menunjukkan anak tunggal juga dilihat sebagai seorang yang tinggi pencapaiannya, bermotivasi tinggi dan berjaya dalam kehidupan.

Bagaimanapun, memandangkan anak tunggal tiada adik-beradik lain, mereka mempunyai kekurangan dari segi kemahiran atau interaksi sosial dan sering kesunyian kerana perhubungan sosial ketika berada di rumah, hanyalah dengan ibu bapa, bukan dengan kanak-kanak lain yang hampir sebaya.

Justeru, anak tunggal banyak 'belajar' untuk menjadi kanak-kanak' dengan dirinya sendiri. Menurut pandangan teori tingkah laku, kekurangan ini boleh diatasi sekiranya anak tunggal mempunyai kawan dan berjaya menguasai atau memenangi hati kawan-kawannya yang menjadi rakan di taska, tadika atau di sekolah. Namun, dalam usaha penyesuaian diri dengan kawan, anak tunggal mungkin terpaksa berhadapan dilema sama ada mengekalkan personaliti dirinya sebagai seorang yang *introvert* atau *extravert* semata-mata untuk menyesuaikan diri dengan personaliti rakan agar beliau diterima sebagai kawan.

Meneliti persoalan yang puan kemukakan iaitu sikap anak 'suka



melawat ke meja sebelah dan mengganggu kanak-kanak lain' ketika keluar makan, ini adalah sesuatu yang normal. Anak puan sebenarnya ingin berkawan cuma dia mungkin tidak tahu bagaimana nak berkawan atau mulakan persahabatan.

Lantas sebagai ibu bapa atau orang lain yang melihat perlakunya beranggapan itu sebagai 'mengganggu' sedangkan anak puan sendiri tidak bermaksud untuk mengganggu.

Melihat kepada usianya baru 5 tahun, puan tidak patut malu, sewajarnya rasa besyukur kerana dia bersikap ramah dan *outgoing*. Ini adalah perkembangan normal kanak-kanak seusianya.

Hasil kajian ilmiah juga mendapati sikap atau personaliti sebegini ada kaitan dengan hubungan positif antara ibu bapa dengan anak.

Antara perkara yang puan boleh lakukan untuk merangsang perkembangan sosial anak ialah berkomunikasi dengan anak berhubung cara bagaimana dia boleh berkawan dengan orang lain dan bagaimana beliau ingin berkawan.

Jelaskan dengan penuh kasih sayang kepadanya berhubung beberapa peraturan sosial yang mudah difahami. Contohnya, apakah tingkah laku yang baik

dan apakah tingkah laku tidak boleh diterima jika ingin berkawan dengan seseorang.

Dalam hal menanggapi isu anak yang terlalu mendesak atau mengamuk bila tidak dapat sesuatu diingini, puan sebenarnya berhadapan dua situasi iaitu sama ada permintaan itu hanya semata-mata kerana inginkan perhatian puan atau kebarangkalian beliau sedang menghadapi tekanan perasaan tetapi tidak tahu bagaimana ingin mencurahkan.

Jika anak puan berada dalam situasi pertama, jangan sekali-kali memenuhi kehendaknya ketika sedang mengamuk kerana si kecil akan mempelajari mengamuk adalah cara terbaik untuk mendapatkan apa yang diingini. Lantas, anak puan akan mengulangi perlakuan itu setiap kali meminta sesuatu yang diingini. Cuba alih perhatiannya kepada sesuatu yang lain dan pastikan puan memberi perhatian kepadanya. Contohnya membelikan apa yang di sukainya sewaktu anak dalam mood yang baik supaya beliau dapat mempelajari cara mendapatkan sesuatu yang diingini dengan berkelakuan baik.

Namun, jika anak puan berada dalam situasi kedua, puan perlulah cuba mencari punca kenapa beliau berkelakuan demikian dan apakah tekanan yang mungkin sedang dihadapinya kerana tekanan dihadapi kanak-kanak jika tidak ditangani dengan baik, boleh

membawa kepada gangguan emosi dan permasalahan tingkah laku sosial yang lain apabila kanak-kanak semakin membesar.

Anak puan bukanlah hiperaktif seperti yang disangkakan. Untuk makluman puan, hiperaktif adalah sejenis masalah tingkah laku yang termasuk dalam kategori kanak-kanak berkeperluan khas dan jika masalah ini serius, pakar psikiatri kanak-kanak terpaksa memberi ubat untuk menenangkannya.

Kanak-kanak hiperaktif memang mempunyai tanda-tanda tertentu, antaranya sering mengurutkan muka di mana saja dia berada, sering menggetap gigi, langsung tidak boleh mendengar arahan, sentiasa lupa rutin harian, tidak boleh langsung bermain sendirian secara senyap dan sering menunjukkan pergerakan fizikal yang keterlaluan yang kelihatannya dia sendiri tidak boleh mengawalinya. Bagaimanapun, tanda seperti yang dinyatakan ini biasanya berterusan sama ada di rumah, di sekolah atau di mana saja dan hanya pakar saja yang boleh mengesahkannya.

Apa yang puan lihat sebagai 'kenakalan' pada anak seusianya yang kadang-kadang sukar dibendung bukanlah hiperaktif, tetapi mungkin boleh saya sebutkan sebagai *over active*. Banyak fak-

ANDA ada masalah dengan anak atau ada sikapnya yang membimbangkan? Kongsi masalah anda bersama Pakar Perkembangan Pendidikan Kanak-Kanak yang juga Penolong Profesor di Institut Pendidikan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Dr Mastura Badzis. Hantar soalan anda ke e-mel bhnta@bharian.com.my atau melalui pos di alamat Unit Ratu, Berita Harian, 31, Jalan Riong, 59100 Bangsar, Kuala Lumpur.

tor yang boleh menyebabkan kanak-kanak menjadi terlalu aktif dan lasak antaranya faktor pemakanan seperti terlalu banyak mengambil makanan bergula atau makanan kaya serbuk perasa (monosodium glutamate); begitu juga jika seseorang kanak-kanak itu tidak cukup makan atau tersangat lapar, dia boleh bertindak agresif atau menunjukkan tingkah laku *over active*.

Kanak-kanak yang menghadapi masalah deria juga akan bertindak *over aktif* begitu juga jika mereka kurang latihan fizikal atau kurang mendapat *fresh air* kerana duduk berkurung dalam bilik itu, seumpamanya. Selain itu, faktor sosioemosi juga menjadi penyebab tingkah laku lasak yang keterlaluan seperti tekanan, kurang kasih sayang, rasa rendah diri dan sebagainya.

Ada beberapa tip yang boleh puan cuba bagi menangani anak yang agak 'lasak'. Antaranya sentiasa menggunakan bahasa yang mudah apabila bercakap dengannya sebagai contohnya bila membimbing atau menyuruhnya melakukan sesuatu, guna arahan ringkas dan mudah. Puan juga boleh cuba mewujudkan persekitaran di rumah yang membolehkannya bergerak bebas dan berikan kepadanya peluang untuk menerokai pelbagai objek yang ada di persekitaran sambil berkomunikasi dengannya, sebagai usaha memenuhi keperluan daya ingin tahu yang tinggi.

Puan perlu sentiasa tenang dan bersikap positif bila menangani kerenahnya. Jika puan ingin mendisiplinkan, pastikan peraturan yang ditetapkan mestilah bersifat realistik dan konsisten.